

CNS5098

R GB 28-01 00154 BH573

bah

Ulangan pembetulan...para empat seharusnya dibaca sebagai ...Mac ini...

Mahathir - Raja

KERAJAAN TIDAK AKAN CAMPURTANGAN PERLANTIKAN AGONG BARU

SUNGAI PETANI, 28 Jan (Bernama) -- Kerajaan tidak akan campurtangan dalam perlantikan Yang di-Pertuan Agong yang baru, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perkara itu terpulang kepada Majlis Raja-raja sama ada mereka hendak melantik Timbalan Yang di-Pertuan Agong sekarang atau memilih Sultan yang lain untuk menjadi Yang di-Pertuan Agong yang baru, katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mesyuarat Persidangan Raja-raja yang akan diadakan minggu depan.

Perdana Menteri sebelum itu merasmikan kilang Prime Granite (Malaysia) Sdn Bhd di Bakar Arang di sini, hari ini.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah akan menamatkan tempohnya menjadi Yang di-Pertuan Agong Mac ini.

"Perkara ini terpulang pada mereka, jika hendak ganti dengan timbalan boleh atau hendak lantik Sultan lain pun boleh," katanya.

-- Lagi

♥28/01/23-46MST

CNS5084

U GB 28-01 00095 BH572

BAH

Mahathir - Raja 2 (Akhir) Sungai Petani

Ketika ditanya kemungkinan akan berlaku pengundian berhubung pemilihan berkenaan, Perdana Menteri berkata, kemungkinan akan berlaku pengundian sekiranya kata sepakat tidak dicapai.

"Tetapi kita tidak tahu," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun menjelaskan beliau belum tahu lagi agenda yang akan dibincangkan dalam persidangan minggu depan.

"Setakat ini saya belum mendapat maklumat mengenai persidangan itu," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, beliau mungkin tidak menghadiri persidangan berkenaan kerana akan berada di Manila semasa persidangan itu berlangsung. -- Bernama.

AMJ KHY KAM.

♥28/01/21-33MST